

11 APR 1996

PM LANCAR PROGRAM GERAK MESRA DI PERLIS

KANGAR, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia menerima pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah negara model dalam kemesraan hubungan pelbagai kaum.

Beliau berkata ini dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri Sweden Carl Bildt yang mengunjungi beliau baru-baru ini.

Kemesraan hubungan pelbagai kaum di Malaysia membolehkan negara menikmati keamanan yang menghasilkan kemajuan, katanya ketika melancar majlis Gerak Mesra peringkat negeri Perlis di Kompleks Warisan di sini.

Menurutnya, Bildt berpendapat Malaysia boleh dijadikan tempat bagi pemimpin Bosnia dan Serbia mempelajari cara hidup yang aman dalam menjalankan hubungan kemesraan seperti yang diamalkan oleh rakyat negara ini.

Dr Mahathir berkata oleh itu rakyat tidak seharusnya memandang ringan soal menjaga dan mengekalkan hubungan baik itu kerana ia tidak akan berkekalan jika tidak dipupuk dan disemai berterusan. -- BERNAMA

MFJ NMO